

MEMUPUK MODAL INSAN MALAYSIA MENERUSI KOLABORASI ERAT INDUSTRI-AKADEMI



TalentCorp
ATTRACT • NURTURE • RETAIN

Selepas hampir sedekad terma 'Industri 4.0' pertama kali diperkenalkan kepada umum, dunia pekerjaan sentiasa mengalami perubahan. Banyak negara di seluruh dunia termasuk Malaysia telah menggariskan wawasan bagi mendepani cabaran era digital dan menjadi pemain berpengaruh dalam ekonomi global.

Namun, sementara syarikat berusaha untuk menjadi lebih berdaya saing dalam persekitaran perniagaan yang kian berubah hari ini, memastikan bekalan pekerja yang memiliki potensi serta prestasi tinggi adalah mencukupi akan menjadi faktor penting dalam menentukan kejayaan terutamanya bagi industri berteraskan pengetahuan.

Pada masa sama, modal insan hari ini berdepan dengan cabaran baru untuk membentuk keupayaan profesional mereka dan memperbaiki kebolehpasaran diri masing-masing, kerana semakin banyak syarikat mengutamakan kemahiran atau pengalaman kerja yang berkaitan berbanding kelayakan akademik.

ADAKAH KITA MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG TEPAT UNTUK INDUSTRI DI MALAYSIA?

Bagi kebanyakan sektor ekonomi, graduan tempatan menjadi sumber utama untuk mendapatkan modal insan tahap permulaan. Kestabilan serta pertumbuhan industri dan ekonomi tempatan secara amnya berkait rapat dengan kuantiti serta kualiti graduan Malaysia yang memasuki pasaran tenaga kerja. Oleh itu, adalah kritikal untuk graduan tempatan mendapat latihan

serta persediaan yang secukupnya bagi memenuhi permintaan industri yang sentiasa berubah.

Walaupun syarikat sering menyatakan modal insan sebagai salah satu daripada cabaran utama yang dihadapi oleh perniagaan, namun penting untuk diberi perhatian bahawa kekurangan kemahiran yang dialami oleh majikan di Malaysia bukannya dari segi jumlah tetapi akibat ketidakpadanan adalah ketara. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), ketidakpadanan ini boleh dikaitkan dengan tindakan majikan yang lebih mengutamakan kemahiran insani serta pengalaman kerja, berbanding kelayakan akademik dan profesional sebagaimana yang ditekankan oleh institusi pendidikan dan latihan Malaysia.

Kajian sama turut menekankan bahawa syarikat di Malaysia secara umumnya mempunyai interaksi yang terhad dengan institusi pendidikan serta latihan untuk berkongsi pandangan mereka tentang apa yang harus dipelajari oleh para pelajar bagi memastikan mereka bersedia memenuhi keperluan industri.

MENYELARAS DAN MENINGKATKAN USAHA MEMBINA MODAL INSAN MALAYSIA

Bagi menangani isu ketidakpadanan kemahiran dalam pasaran buruh Malaysia dan meningkatkan kesediaan para graduan untuk menghadapi alam pekerjaan, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah menerajui inisiatif bagi membantu **membina kolaborasi erat antara industri dan akademik**.

Ini dilakukan bagi meningkatkan kualiti serta pengisian pengajian universiti agar selari dengan keperluan para majikan, di samping **meningkatkan penglibatan majikan** dalam latihan dan melahirkan graduan berkualiti tinggi.

TalentCorp turut bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam Kolaborasi Industri-Akademia (IAC) bagi menggalakkan kolaborasi yang lebih erat antara industri dan universiti. Menerusi inisiatif ini, kami membawa majikan ke dalam universiti untuk bekerjasama membangunkan kurikulum, pertandingan serta penempatan industri ke arah melahirkan modal insan graduan yang sedia memenuhi keperluan industri bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

MERAPATKAN JURANG ANTARA INDUSTRI DAN UNIVERSITI



Menerusi Kolaborasi Industri-Akademia (IAC) TalentCorp, majikan dan universiti boleh bekerjasama dalam membangunkan modal insan tahap permulaan yang sedia memenuhi keperluan industri untuk pekerjaan berkemahiran tinggi, dan juga meningkatkan peluang untuk para pelajar mendapat kerja selepas bergraduasi.

Inisiatif IAC merangkumi kedua-dua strategi intervensi jangka pendek dan jangka panjang bagi menangani perbezaan dasar modal insan serta cabaran yang dihadapi oleh majikan dan universiti.

KONSORTIUM PEMBANGUNAN MODAL INSAN PELANCONGAN MALAYSIA (MyTTDC)



- Kolaborasi antara TalentCorp, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) di bawah KPM, dan Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) – Sektor Perhotelan.
- MyTTDC menyasarkan untuk membantu penggunaan pendekatan berstruktur dan kolaborasi erat bagi membangunkan modal insan untuk industri pelancongan Malaysia, yang merupakan sektor penyumbang utama ekonomi Malaysia.
- Kolaborasi ini akan meningkatkan akses majikan kepada kumpulan modal insan graduan dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) serta institusi latihan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET).
- Intervensi strategik di bawah MyTTDC termasuklah pensijilan kemahiran serta ilmu berteraskan industri, program pembelajaran berasaskan kerja, peluang latihan di tempat kerja dan program meningkatkan kemahiran serta latihan semula.

MINYAK DAN GAS (M&G)



- TalentCorp membantu meningkatkan penglibatan industri dalam usaha Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) untuk memantapkan program Ijazah Sarjana Muda Teknologi (BTech) yang baru dibangunkan dalam bidang teknologi tertentu. Inisiatif ini menyasarkan untuk mencipta lebih banyak laluan serta peluang kerjaya untuk pelajar TVET.
- TalentCorp berkolaborasi dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Majlis Perkhidmatan Minyak & Gas Malaysia (MOGSC) dalam satu siri bengkel IAC ke arah membangunkan program BTech untuk bidang Penyelenggaraan Kemudahan M&G.
- TalentCorp berkolaborasi dengan UMP dalam satu bengkel industri M&G pada Jun 2019. Ia menjadi satu platform untuk mendapatkan maklum balas tentang bagaimana untuk meningkatkan keterlibatan industri dalam kurikulum kursus, dan juga mendapatkan pandangan majikan bagi memastikan pengisian program dan kursus relevan kepada keperluan industri.

ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E&E)



- Pada April 2015, satu inisiatif IAC untuk sektor E&E telah dilancarkan semasa pameran mikroelektronik SEMICON Asia Tenggara di Pulau Pinang.
- Menerusi inisiatif ini, TalentCorp bekerjasama dengan KPM dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi menggalakkan kolaborasi lebih erat industri akademik merentasi industri E&E.
- Inisiatif awal menyaksikan kerjasama 14 majikan terkemuka dengan 9 universiti awam bagi menangani jurang kemahiran dalam kelompok teknologi utama industri E&E, termasuklah Reka Bentuk Litar Bersepadu dan Sistem Terbenam.

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN GLOBAL (GBS)



- Pada September 2016, TalentCorp bersama-sama dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telah melancarkan inisiatif IAC untuk sektor GBS.
- IAC-GBS bermatlamat untuk menyelaras pendekatan majikan sektor berkenaan dan universiti dalam mengenal pasti bidang kolaborasi ke arah meningkatkan kebolehpasaran para graduan dan meningkatkan kesedaran di kalangan tenaga kerja masa depan Malaysia tentang peluang kerjaya yang terdapat di dalam GBS.
- Inisiatif ini melibatkan proses mewujudkan kesedaran; menyediakan peluang latihan amali dan persijilan; pelaksanaan penerapan kurikulum; penganjuran pertandingan berfokuskan industri dan kem latihan; dan meningkatkan kemahiran para graduan.

TalentCorp berkolaborasi dengan majikan dalam merangka langkah-langkah yang dapat membantu mengenal pasti, pengambilan dan memupuk modal insan terbaik. Kami turut menyokong rakan kongsi kami, termasuk institusi pendidikan dan universiti dalam membentuk modal insan akan datang. Dapatkan maklumat lanjut di www.talentcorp.com.my/our-work/employer-partner

Tahukah Anda?



Menurut Kaji Selidik Tahunan CEO Global Ke-22 yang dijalankan oleh PwC, 'ketersediaan kemahiran utama' masih menjadi isu besar dalam kalangan majikan. Malah, lebih separuh daripada responden kaji selidik bersetuju bahawa kekurangan kemahiran menjejaskan keupayaan mereka untuk berinovasi dengan lebih berkesan dan turut mengakibatkan peningkatan kos pembangunan sumber manusia berbanding yang dijangkakan.